

Penurunan Kadar OPR untuk Menjana Pertumbuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menurunkan kadar dasar semalaman (OPR) dari 3.25 peratus kepada 3.00 peratus baru-baru ini. Tujuan penurunan kadar OPR adalah untuk meningkatkan kecairan di dalam ekonomi. Peningkatan kecairan adalah perlu untuk meningkatkan permintaan domestik untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Apabila kecairan di dalam ekonomi meningkat, perbelanjaan swasta – sama ada untuk pelaburan perniagaan mahu pun perbelanjaan isi rumah di jangka meningkat, kerana sektor perbankan mempunyai lebih wang untuk dipinjamkan.

Sebelum kita melihat bagaimana keberkesanan dasar ini untuk menjana pertumbuhan ekonomi, adalah baik untuk memahami apakah faktor yang menyebabkan dasar ini dilaksanakan. Apakah ianya boleh dilaksanakan pada bila-bila masa atau memerlukan keadaan tertentu untuk dilaksanakan?

Pertumbuhan ekonomi Malaysia boleh digerakkan oleh dua komponen utama, permintaan domestik dan permintaan luar. Kedua-duanya adalah penting untuk negara kecil seperti Malaysia. Sekiranya permintaan meningkat, sama ada domestik atau luar, penawaran akan berlaku. Maka pengeluaran dalam negara akan meningkat. Dengan kata lain, aktiviti pengeluaran dan perniagaan tidak akan berlaku sekiranya tiada permintaan. Justeru, pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan atau terbantut.

Jika dilihat pada keadaan semasa, permintaan luar kini amat perlahan. Ini disebabkan oleh keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Banyak di kalangan rakan dagang Malaysia mengurangkan import mereka kerana permintaan domestik mereka yang perlahan. Keadaan ini berlarutan sudah lebih kurang dua tahun yang berpunca dari penurunan harga komoditi utama dunia, terutamanya minyak petroleum mentah. Kejatuhan harga minyak pula menyebabkan nilai dolar Amerika (USD) meningkat.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Kesannya, nilai ringgit berbanding dengan USD jatuh. Keadaan ini sebenarnya baik untuk Malaysia dari segi permintaan luar kerana barangan Malaysia menjadi murah jika dibayar dalam USD. Namun kebanyakan negara-negara yang berdagang dengan Malaysia juga menghadapi kelembapan ekonomi kesan dari kejatuhan harga minyak tersebut. Maka, permintaan untuk barangan Malaysia tidak meningkat seperti yang diharapkan.

Jika dilihat kepada akaun imbalan pembayaran (BOP), ianya menunjukkan perkembangan yang kurang sihat. BOP merupakan akaun yang menunjukkan aliran perdagangan barangan dan perkhidmatan di antara Malaysia dengan lain-lain negara, dan bagaimana ianya dibayar. BOP terdiri dari akaun semasa dan akaun kewangan. Akaun semasa menunjukkan aliran barangan dan perkhidmatan serta pendapatan faktor, sama ada buruh atau modal. Manakala akaun kewangan merekodkan aliran pelaburan.

Dari sudut perdagangan antarabangsa, kita biasanya merujuk kepada akaun semasa. Secara umumnya, jika eksport menyamai import maka akaun semasa berada di dalam keadaan seimbang. Jika eksport melebihi import, negara mempunyai akaun semasa positif, atau biasa disebut lebih akaun semasa. Sebaliknya Jika import melebihi eksport, akaun semasa mengalami defisit.

Malaysia sentiasa mengalami lebih akaun semasa kerana kejayaan negara menjadi antara pengeluar barangan dan pengeksport terbesar dunia. Namun kelembapan ekonomi dunia kini telah melembapkan perdagangan antarabangsa negara. Lebih akaun semasa telah menurun dari RM48.6 bilion pada tahun 2014 kepada RM34.7 bilion pada tahun lepas. Suku pertama 2016 mencatatkan lebih akaun semasa RM5.0 bilion berbanding dengan RM11.3 bilion pada suku pertama tahun lepas.

Kesimpulannya, permintaan luar di dalam keadaan menurun. Keadaan ini akan menggugat pertumbuhan ekonomi negara jika tiada langkah-langkah tertentu di ambil untuk mengimbangi keadaan tersebut. Antara lain, inilah alasan yang di ambil oleh BNM untuk menjana pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan permintaan domestik melalui dasar kewangan mengembang, yang mana salah satu kaedahnya adalah melalui penurunan OPR.

Namun terdapat satu lagi teka-teki yang perlu diperiksa sebelum dasar ini boleh dilaksanakan, iaitu paras harga di dalam negara atau pun keadaan inflasi. Peningkatan kecairan di dalam ekonomi mempunyai kesan sampingan kenaikan kadar inflasi. Justeru, dasar ini tidak boleh dilaksanakan jika kadar inflasi tinggi kerana ianya akan memburukkan lagi keadaan melalui peningkatan kadar inflasi. Jika ini berlaku, pertumbuhan ekonomi tidak bermakna kerana ianya di imbangi dengan kenaikan harga barangan.

Melihat keadaan semasa, inflasi yang diukur dengan indeks harga pengguna (IHP) adalah di dalam keadaan terkawal. Kadar inflasi pada bulan Mei 2016 berada pada kadar 2.0 peratus setahun berbanding dengan bulan Mei 2015. Malah, semenjak tiga bulan yang lepas kadar inflasi berada di bawah 3.0 peratus setahun, iaitu 2.6 peratus pada bulan Mac dan 2.1 peratus pada bulan April. Kadar inflasi sebegini adalah sangat baik. Kebanyakan negara maju menyasarkan kadar inflasi 2.0 peratus sebagai dasar pertumbuhan ekonomi yang sihat.

Dengan latar belakang tersebut, yakni permintaan luar yang mengurang dan kadar inflasi yang rendah, maka dasar kewangan mengembang melalui pemotongan kadar OPR oleh BNM adalah pilihan terbaik. Namun untuk membuatkan dasar ini lebih efektif, tidak hairan BNM atau lain-lain agensi kerajaan yang berkenaan akan mengenakan strategi untuk menyalurkan kecairan ke arah perbelanjaan swasta sama ada badan perniagaan atau isi rumah kepada perbelanjaan yang lebih produktif. Dengan ini, pertumbuhan ekonomi akan berlaku dengan lebih pesat, berbanding dengan perbelanjaan yang kurang produktif.

Dari perspektif isi rumah pula, mungkin perlu menerapkan suatu sikap perbelanjaan yang berhemah. Sebagai garis panduan, keutamaan harus diberi kepada barangan dan perkhidmatan tempatan di dalam membuat perbelanjaan. Ini bukan semata-mata untuk meningkatkan semangat patriotik, ianya mempunyai implikasi yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi. Di dalam ekonomi ini dipanggil mengurangkan ketirisan. Jika kita berbelanja barangan dan perkhidmatan tempatan, ianya membantu menjana pertumbuhan ekonomi domestik. Sebaliknya jika kita membeli barangan dan perkhidmatan luar, kita membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara luar.

Malah negara maju seperti Amerika Syarikat sering berkempen “beli Amerika dahulu” (*buy America first*). Mereka sering berkempen beli barangan Amerika walaupun harganya jauh lebih mahal atas alasan kualiti yang tinggi. Di dalam konteks Malaysia, negara merupakan salah satu kuasa eksport terbesar di dunia. Justeru, barangan tempatan yang dieksport sudah tentu mempunyai kualiti yang diterima di peringkat dunia. Dengan membeli barangan tempatan lebih banyak peluang pekerjaan boleh dicipta kerana permintaan bertambah. Perlu diingat permintaan luar adalah di dalam keadaan yang lembap, maka permintaan untuk barangan Malaysia turut terjejas.

Dari segi perkhidmatan, umpamanya rakyat perlu mengutamakan pelancongan domestik, lebih-lebih lagi dengan keadaan nilai ringgit yang kini masih rendah berbanding dengan USD. Ianya bukan sahaja mampu menjana pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan aktiviti ekonomi, tukaran asing juga mampu dijimatkan. Masih banyak destinasi pelancongan domestik yang perlu diteroka oleh rakyat. Umpamanya, aktiviti pelancongan di antara penduduk Sabah, Sarawak dan Semenanjung perlu digalakkan dan ditingkatkan. Mungkin strategi-strategi tertentu perlu digubal oleh badan-badan berkenaan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti pelancongan di antara dua daratan yang dipisahkan oleh Laut China Selatan ini, di samping inisiatif individu.